

Bukit 'gondol' akibat pembalakan

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu membidas kerajaan negeri tertentu kerana masih membenarkan syarikat membalak memusnahkan bukit-bukau sewenang-wenangnya walaupun kerap kali diminta menghentikan perbuatan itu.

Sewaktu lawatannya ke Cameron Highlands, Per-

dana Menteri menaiki helikopter untuk melihat pemusnahan alam sekitar akibat pembalakan di lereng bukit di sempadan Pahang-Kelantan.

"Saya bimbang jika pemusnahan berleluasa, tidak ada lagi bukit yang tinggal untuk kita. Sesetengah negara berasa kurang bernasib baik kerana tidak punya bukit dan gu-

nung.

"Tetapi kita pula memusnahkan sesetengah kawasan peranginan yang paling cantik dapat kita lihat," kata Dr Mahathir, yang jelas kelihatan sedih dengan apa dilihatnya.

Gambar ini menunjukkan lerengan bukit yang hodoh dan botak mengesahkan kekhawatiran Perdana Menteri mengenai

kemusnahan terhadap sumber alam semula jadi negara.

Pemusnahan ini diburukkan lagi oleh kegiatan membalak secara haram. Kita belum terlewat untuk menyelamatkan lereng-lereng bukit di negara ini sekiranya kerajaan negeri lebih peka dengan teguran Perdana Menteri.